

BAI' AL-SARF DALAM PERTUKARAN ASING: ANALISIS MAQASID SYARIAH

***(BAI' AL-SARF IN FOREIGN EXCHANGE:
AN ANALYSIS OF MAQASID SHARIAH)***

Wan Norhaniza Wan Hasan¹

¹ Lecturer in Centre for Islamic Development Management Studies (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.
Email: wannorhaniza@gmail.com

Accepted date: 18 April 2018

Published date: 10 June 2018

To cite this document: Hasan, W. N. W. (2018). Bai' Al-Sarf Dalam Pertukaran Asing: Analisis Maqasid Syariah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 3 (11), 22 - 35.

Abstrak: *Kajian ini bertujuan menganalisis bai' al-sarf dalam pertukaran asing berdasarkan pendapat maqasid syariah. Wang berfungsi sebagai medium perantara yang diterima umum dan perundangan. Keupayaan yang terdapat pada wang ini menyebabkan wang dianggap sebagai satu keperluan daruriyyah. Atas sebab ini, amalan urusan jual beli mata wang diharuskan oleh ulama'. Kontrak yang terlibat dalam urusan niaga melibatkan pertukaran wang sama ada sama jenis ataupun berbeza disebut sebagai bai' al-sarf. Salah satu syarat terpenting dalam pelaksanaan kontrak bai' al-sarf ialah urusan niaga hanya untuk urusan niaga hanya boleh dilakukan secara lani. Keadaan ini menyebabkan wujud kekangan bagi urusan niaga yang berlangsung pada masa hadapan. Kajian ini mengkaji isu di atas secara kualitatif terhadap data sekunder yang terdiri daripada bahan bertulis berhubung kontrak bai' al-sarf dalam urusan niaga dan pertukaran mata wang serta maqasid syariah untuk mengenal pasti konsep dalam kontrak bai' al-sarf seterusnya menganalisis amalan kontrak bai' al-sarf dalam pertukaran asing menurut maqasid syariah. Didapati bahawa bagi memenuhi keperluan masalah dan menolak mafsadah yang lebih besar dalam maqasid syariah, pertukaran asing boleh menggunakan kontrak lain sebagai mekanisme lindung nilai dengan mematuhi prinsip jual beli menurut syariah melalui instrumen derivatif patuh syariah seperti Islamic FX forward, Islamic FX option dan Islamic FX swap dengan menggunakan kontrak dan prinsip lain yang menepati kehendak syariah.*

Kata Kunci: *Bai Al-Sarf, Pertukaran Asing, Maqasid Syariah*

Abstract: *This study aims to analyse bai' al-sarf in foreign exchange based on the maqasid al-shariah. Money serves as a transactional medium accepted by the global community and legislation. The abilities held by money cause it to be regarded as one of the daruriyyah needs. For this reason, Muslim scholars permit the practice of buying and selling currency by using bai' al-sarf contract. One of the most important requirement for the contract is that it must be conducted on spot. This situation creates restrictions on transactions that have to be conducted*

in future or forward. This study analyse the above issues qualitatively by using secondary data comprised of written materials on bai 'al-sarf contracts in currency exchange and maqasid al-shariah to identify the concept in bai' al'sarf contract and to analyse the practices of bai 'al-sarf for foreign exchange according to maqasid al-shariah. It is found that in fulfilling the requirements of masalah and rejecting the greater mafsadah in maqasid al-shariah, foreign exchange may use other contracts as a hedging mechanism while still adhering to the principles of sharia through sharia-compliant derivative instruments such as Islamic FX forward, Islamic FX option and Islamic FX swap by using other contracts and principles that meet the requirements of sharia.

Keywords: *Bai Al-Sarf, Foreign Exchange, Maqasid Al-Shariah*

Pengenalan

Malaysia merupakan negara yang mengamalkan ekonomi terbuka dan mempunyai kadar pertumbuhan ekonomi antara yang terpentas di Asia Tenggara dengan nilai perdagangan global melebihi RM1 trilion melibatkan RM785.93 bilion nilai eksport dan RM698.66 bilion nilai import (MITI, 2016). Perdagangan antarabangsa rentas sempadan berlaku dalam keadaan setiap negara menggunakan mata wang yang berbeza. Instrumen pertukaran mata wang asing yang efektif dan efisien diperlukan bagi membolehkan perdagangan dan pertukaran wang berlaku.

Wang pada masa kini dianggap sebagai komoditi lantas pasaran wang telah membentuk sebahagian daripada pasaran kewangan dunia sekali gus membina ekonomi negara. Seiring perkembangan sistem kewangan Islam, pertukaran asing atau *foreign exchange* yang lebih dikenali secara komersil sebagai *forex* mendapat tempat dalam kalangan pedagang mata wang dan perdagangan antarabangsa. Di Malaysia, urus niaga pertukaran asing hanya boleh dilaksanakan melalui peniaga yang dibenarkan (*authorized dealer*) yang berlesen dan dilantik oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-98 yang bersidang pada 13-15 Februari 2012 telah membincangkan hukum perdagangan pertukaran matawang asing oleh individu secara lani (*individual spot forex*) melalui platform elektronik mengandungi unsur-unsur riba, *maysir* dan *gharar* melalui pengenaan *rollover interest*, pensyaratan jual beli dalam pemberian hutang melalui leveraj, *qabd* yang tidak jelas ketika transaksi pertukaran, penjualan mata wang yang tiada dalam pegangan dan spekulasi yang melibatkan perjudian. Walau bagaimanapun, hukum ini tidak terpakai ke atas urus niaga pertukaran mata wang asing menerusi kaunter di pengurup wang berlesen dan urus niaga pertukaran mata wang asing yang dikendalikan oleh institusi-institusi kewangan yang dilesenkan di bawah undang-undang Malaysia.

Berdasarkan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, individu persendirian dan syarikat yang tidak diberi kuasa atau kebenaran oleh BNM untuk menjalankan urus niaga mata wang ini dilarang daripada melaksanakan *forex* dan boleh dikenakan tindakan undang-undang. Penguatkuasaan undang-undang ini dilakukan oleh BNM memandangkan *forex* berupaya untuk dimanipulasikan sebagai alat pengubahan wang haram. Selain itu, tindakan ini juga bertujuan untuk melindungi pengguna dan hak mereka. Malah,

mata wang Ringgit Malaysia juga merupakan mata wang yang tidak diurusniagakan pada peringkat antarabangsa.

Wang berfungsi sebagai medium perantara yang diterima umum dan perundangan. Keupayaan yang terdapat pada wang ini menyebabkan wang dianggap sebagai satu keperluan *daruriyyah*. Atas sebab ini, amalan urus niaga jual beli mata wang diharuskan oleh ulama' (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2018). Pelaburan dalam pasaran wang secara relatifnya mempunyai risiko yang rendah berbanding pelaburan dalam pasaran modal memandangkan tempoh matangnya yang pendek namun begitu pasaran wang masih tetap mempunyai risiko yang boleh mempengaruhi kadar pertukaran dan naik turunnya nilai mata wang. Risiko tersebut terdiri daripada risiko pasaran akibat pergerakan kadar bunga dalam pasaran yang mempengaruhi harga sekuriti, risiko kemungkiran akibat kegagalan peminjam untuk mengembalikan pinjaman dan faedah, risiko inflasi akibat perubahan nilai mata wang dan kuasa beli pengguna, risiko mata wang akibat perubahan kadar pertukaran mata wang asing hasil daripada aktiviti perdagangan antarabangsa, dan risiko politik akibat hubungan pasaran wang dengan dasar kewangan sesebuah negara.

Kontrak yang terlibat dalam urus niaga melibatkan pertukaran wang sama ada sama jenis ataupun berbeza disebut sebagai *bai' al-sarf*. Dalam Islam, kontrak jual beli mata wang *bai' al-sarf* hanya boleh dilakukan secara lani sedangkan wujud akta yang menegah pelaksanaan urus niaga mata wang asing atau *forex* secara lani oleh pelabur individu yang tidak berlesen. Bagi memastikan pertukaran asing di Malaysia dijalankan secara sah dan mematuhi prinsip syariah, Bank Negara Malaysia sebagai bank pusat telah mengambil inisiatif menerbitkan panduan pelaksanaan kontrak *bai' al-sarf* khusus bagi penyedia platform Islamic FX. Perdagangan luar pesisir bagi mata wang Ringgit Malaysia dalam apa juga bentuk tanpa serahan yang diniagakan di luar pusat kewangan luar pesisir sama ada sebagai kontrak hadapan (*FX Forward*), opsiyen (*FX Option*) dan kontrak derivatif lain di bursa luar Malaysia merupakan pelanggaran terhadap dasar Malaysia. Sehingga tahun 2017, sebanyak 409 entiti disenarai hitam sebagai entiti yang menjalankan aktiviti *forex* dengan majoriti secara atas taliantanpa kebenaran BNM (BNM 2017).

Memandangkan wang sebagai item niaga dalam pertukaran asing merupakan barangan ribawi, maka Islamic FX dikaji dan diwujudkan bagi memastikan transaksi yang dilakukan untuk tujuan pertukaran asing ini mematuhi prinsip dan peraturan syariah. Perbezaan utama antara pertukaran asing yang biasa diamalkan secara konvensional dan Islamic FX terletak pada elemen *riba* melalui faedah atau bunga dan elemen-elemen lain yang tidak dibenarkan oleh syariah Islam seperti *maysir* (perjudian) dan *gharar* (ketidaktentuan).

Bagi memastikan pasaran kewangan Islam di Malaysia menepati peraturan dan prinsip syariah khususnya dalam penyediaan dasar dan pelaksanaan pasaran wang Islam serta produk-produk lain dalam sistem kewangan Islam di Malaysia, Majlis Penasihat Syariah (MPS) BNM telah dibentuk pada tahun 1997. MPS BNM bertindak sebagai badan yang menjadi tempat rujukan dan penasihat kepada BNM berhubung isu syariah serta bertanggungjawab mengesahkan setiap kewangan Islam yang dijalankan di Malaysia bertepatan dengan prinsip syariah dan dalam masa yang sama membuka ruang untuk inovasi sistem kewangan Islam yang progresif di Malaysia.

Kajian ini umumnya bertujuan untuk menganalisis *bai' al-sarf* dalam pertukaran asing berdasarkan pendapat maqasid syariah dengan mengenal pasti konsep dalam kontrak *bai'*

al'sarf seterusnya menganalisis amalan kontrak *bai' al-sarf* dalam pertukaran asing menurut maqasid syariah.

Kajian Lepas

Pertukaran asing melibatkan pertukaran antara satu mata wang dengan mata wang lain. Mata wang merupakan salah satu daripada barang ribawi. Ahmad dan Zain (2012) mengkaji tentang pandangan Ibn Taymiyyah tentang jual beli barang ribawi yang terdiri daripada emas, perak dan mata wang. Kajian tersebut yang meneliti implikasi pandangan tersebut terhadap transaksi barang kemas dan e-gold mendapati bahawa terdapat perbezaan dalam pandangan Ibn Taymiyyah dengan jumhur ulama.

Jumhur mensyaratkan agar *bai' al-sarf* dilaksanakan ke atas semua jenis transaksi melibatkan emas, perak dan barang kemas. Ibn Taymiyyah walau bagaimanapun hanya mensyaratkan *bai' al-sarf* ke atas logam emas dan perak sahaja. Malah, kajian Ahmad dan Zain (2012) mendapati Ibn Taymiyyah membenarkan pertukaran dilakukan bagi barang kemas secara berlebihan kurang dan berhutang. Pandangan beliau ini membuka ruang untuk barang kemas diniagakan sebagai barang perhiasan dan bukannya mata wang. Kajian tersebut juga menyimpulkan bahawa e-gold bukanlah barang kemas. Oleh itu, walaupun bersifat digital namun urusan niaganya tertakluk kepada kontrak *bai' al-sarf*.

Azhar et al. (2015) yang mengkaji tentang hukum kontrak tukaran mata wang asing melalui internet menyatakan bahawa modus operandi yang digunakan dalam tukaran mata wang asing melalui internet melibatkan kontrak jual beli secara bertulis. Kontrak bertulis merupakan salah satu cara melakukan kontrak jual beli dan dibenarkan oleh syarak. Kontrak bertulis juga boleh menggambarkan kehendak kedua-dua belah pihak yang berkontrak sama ada kedua-dua mampu berkata-kata atau salah seorang sahaja yang mampu berkata-kata. Begitu juga sama ada kedua-duanya berada dalam satu majlis atau mereka berdua berada di dua tempat yang berlainan.

Berdasarkan dapatan Azhar et al. (2015) ini, pertukaran mata wang asing melalui platform internet merupakan urusan niaga yang dibenarkan. Meskipun begitu, dapatan ini bertentangan dengan undang-undang Malaysia yang tidak membenarkan urusan niaga dilakukan secara langsung tanpa menggunakan agen yang dilantik dan dikawan selia secara sah oleh BNM.

Hasil dapatan yang dikemukakan oleh Azhar et al. (2015) bertentangan dengan dapatan yang dikemukakan oleh Omar dan Jones (2015). Mereka membuat penilaian mengenai kepatuhan produk *forex* Islamik secara atas talian terhadap perundangan Islam. Selain itu kajian tersebut juga untuk melihat perbezaan atau persamaan diantara produk *forex* yang berasaskan prinsip Islam dengan konvensional. Kajian tersebut mendapati bahawa tiada bukti yang menunjukkan bahawa proses teknikal untuk produk *forex* Islamik berbeza dengan produk *forex* konvensional.

Selain itu Omar dan Jones (2015) mendapati terdapat kontradiksi dan kekaburan dalam penggarisan pelaksanaan produk *forex* Islamik yang telah dinyatakan oleh sarjana perundangan Islam sama ada produk ini dibenarkan atau tidak. Malahan produk *forex* Islamik ini turut dilihat sebagai suatu kaedah penjenamaan semula produk *forex* konvensional serta turut disifatkan mempunyai unsur riba' yang telah berlaku dalam dunia moden. Turut diujahkan, produk *forex* Islamik adalah tidak mematuhi prinsip Islam dan sama sahaja dengan produk *forex* konvensional. Pengkaji telah mengkategorikan *forex* Islamik kepada tiga kategori yang terdiri daripada *forex* Islamik baik, jahat dan buruk.

Billah dan Atabani (2016) yang mengkaji tentang pertukaran asing berpendapat bahawa instrumen kewangan ini penting bagi menjana pendapatan dan membolehkan perdagangan secara global berlangsung. Mereka meneliti status wang kertas sebagai satu medium pertukaran sebagaimana yang dilaksanakan melalui emas dan perak (*thaman haqiqi*). Kajian tersebut mendapati penggunaan wang kertas atau wang fiat mengandungi elemen *gharar* dan *riba*.

Walau bagaimanapun, memandangkan wang kertas tersebut digunakan sebagai *thaman haqiqi*, maka konsep *bai' al-sarf* mesti dipatuhi dalam proses pertukaran mata wang asing. Bagi membolehkan pertukaran mata wang asing berlangsung dalam kerangka syariah, kajian yang dijalankan oleh Billah dan Atabani (2016) ini menganalisis secara lanjut model yang bersesuaian untuk menyokong perdagangan pertukaran mata wang asing yang mematuhi prinsip-prinsip syariah.

Kajian tentang pertukaran mata wang asing sangat berkait rapat dengan spekulasi mata wang dan krisis kewangan. Bagi mengatasi isu ini, Chang et al. (2017) meneliti tentang campur tangan terhadap pertukaran asing oleh bank pusat dalam menangani krisis kredit domestik. Chang et al. (2017) membuat kajian berkenaan faktor yang meningkatkan peluang kejayaan campur tangan bank-bank Pusat di Asia dalam pasaran tukaran asing dari Januari 2005 hingga November 2015. Kajian dibuat berdasarkan analisis laporan berita Reuters. Dapatan kajian Chang et al. (2017) menunjukkan bahawa strategi secara “kitaran balas” (*leaning-against-the-wind intervention strategies*) berkesan terhadap 8 buah negara di Asia iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, dan Thailand.

Selain itu campur tangan yang berstruktur dan dibuat pada hari pertama didapati berupaya meningkatkan peluang kejayaan campur tangan bank-bank pusat tersebut. Peserta pasaran berupaya untuk memanfaatkan maklumat mengenai ramalan pergerakan dolar terkini yang dibekalkan oleh bank-bank Pusat di Asia dan seterusnya “menenangkan” kembali keadaan kucar-kacir yang berlaku dalam pasaran yang berlaku semasa tempoh krisis kredit terjadi.

Spekulasi kewangan amat ditegah dalam Islam. Rafikov dan Saiti (2017) membuat penelitian berkenaan spekulasi kewangan berdasarkan perspektif maqasid syariah. Mereka telah menganalisis secara tekstual bahan-bahan dan dokumen berkaitan dengan isu yang dikaji. Hasil kajian Rafikov dan Saiti (2017) menunjukkan bahawa pendekatan maqasid syariah tidak membenarkan keperluan instrumen spekulatif kewangan kerana praktis ini dianggap merbahaya dan perlu dihalang untuk memelihara agama, kehidupan, harta dan intelek. Hal ini kerana spekulasi kewangan dilihat sebagai salah satu perkara yang membuka peluang kepada kegiatan rasuah, “*black money*”, inflasi, peperangan, industri dadah dan memberi kesan kepada ketidakseimbangan ekonomi.

Bagi mengimbangi *mafsadah* yang terkandung dalam pertukaran mata wang asing dengan potensi dan keperluannya, instrumen derivatif yang mematuhi prinsip syariah Islam dikaji dan diperkenalkan. Instrumen derivatif ini dijadikan sebagai alat untuk memastikan risiko yang terkandung dalam pertukaran mata wang asing dapat diuruskan dengan sebaik mungkin. Kajian berhubung instrumen derivatif boleh dibahagikan kepada dua bentuk. Pertama, kajian yang mengkhusus tentang instrumen derivatif seperti *foward*, *opsyen* dan *swap*. Kedua, kajian yang menumpukan kepada mekanisme dalaman dalam sesebuah kontrak untuk tujuan perlaksanaan lindung nilai.

Kajian yang mengkhusus tentang instrumen derivatif antaranya telah dilaksanakan oleh Nordin dan Rahman (2011) yang mengkaji tentang instrumen opsi untuk urus niaga mata wang. Mereka mendapati isu-isu yang terdapat dalam kontrak opsi konvensional sehingga kini masih lagi diperdebatkan mempengaruhi sambutan terhadap kontrak opsi Islam. Malah, pengharamannya oleh sesetengah sarjana walaupun untuk tujuan lindung nilai juga menyebabkan kontrak ini kurang popular dalam kewangan Islam berbanding kontrak derivatif lain. Nordin dan Rahman (2011) melihat potensi aplikasi prinsip *wa'ad* dalam kontrak opsi mata wang sebagai salah satu alternatif yang signifikan dalam kewangan Islam untuk membantu pengurusan risiko yang lebih efisien dan berdaya saing. Inovasi yang selari dengan syariah perlu sentiasa difikirkan demi kelangsungan kewangan Islam dan membebaskan umat Islam daripada unsur riba, *gharar* dan *maysir*.

Selain itu, kajian tentang instrumen opsi turut dilaksanakan oleh Ahmad dan Asutay (2014). Mereka berpandangan bahawa kontrak opsi sebagai satu kontrak yang efisien untuk tujuan pertukaran mata wang asing kerana keupayaannya menyingkirkan risiko kemaruahan pertukaran mata wang dengan menetapkan kadar yang dipersetujui. Namun begitu, isu syariah timbul memandangkan pertukaran perjanjian berlaku dalam kontrak ini membuka peluang berlakunya *laveraj* yang tidak dibenarkan dalam Islam.

Kajian oleh Ahmad dan Asutay (2014) meneliti beberapa prinsip syariah yang boleh dibangunkan untuk penggunaan dalam kontrak opsi Islam seperti *bai' al-inah*, *wa'd* dan *bai' al-sarf* sendiri. Namun, mereka mendapati kontrak opsi Islam hanya boleh didagangkan dalam pasaran pertama secara statik dan tidak sepatutnya dibenarkan untuk perdagangan dalam pasaran kedua. Bagi memastikan prinsip syariah dipatuhi, kontrak ini hanya bertujuan untuk urusan jual beli bagi perdagangan sebenar urus niaga barangan dan perkhidmatan, bukannya perdagangan mata wang asing.

Kajian tentang instrumen derivatif hadapan pula telah dilaksanakan oleh Ahmad, Tahir, Ahmad dan Zain (2012). Mereka mengkaji tentang parameter syariah melalui penggunaan *wa'd* dalam pertukaran asing Islam hadapan sebagai mekanisme untuk lindung nilai dalam kewangan Islam. Memandangkan kontrak ini melibatkan pertukaran mata wang pada masa akan datang, maka ia boleh berkait dengan isu riba *al-nasi'ah*.

Oleh yang demikian, kajian dijalankan oleh Ahmad, Tahir, Ahmad dan Zain (2012) bertujuan untuk mengkaji kontrak hadapan mata wang asing menurut Islam yang distrukturkan dengan mengguna pakai prinsip *wa'd* yang mengikat sebelah pihak. Hasil kajian mendapati bahawa untuk menjadikan kontrak pertukaran mata wang asing menepati syarat penerimaan dan penyerahan secara lani, majoriti bank mengguna pakai prinsip *wa'd* mulzim dalam kontrak hadapan mata wang asing pada peringkat awal dan kontrak sebenar berlaku pada hari pertukaran wang dilakukan. Selain itu, Ahmad et al. (2012) turut mengkaji tentang penggunaan *wa'd* sebagai mekanisme lindung nilai dalam kontrak hadapan mata wang asing berpendapat, *wa'd* merupakan jalan yang sesuai bagi produk kewangan Islam untuk menyaingi mahupun mereplika produk kewangan konvensional.

Namun begitu, kewujudan *wa'd* dalam struktur produk kewangan Islam boleh menimbulkan kerumitan dari aspek dokumentasi kerana berkemungkinan menambahkan klausa atau tambahan kepada dokumen sedia ada. Meskipun begitu, mereka optimis berpandangan *wa'd* berjaya meningkatkan daya saing produk kewangan Islam.

Metodologi Kajian

Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan data sekunder yang terdiri daripada bahan bertulis seperti dokumen rasmi, jurnal dan laman web rasmi. Dua kelompok utama bahan bertulis digunakan. Pertama, bahan bertulis yang mengandungi maklumat berhubung kontrak *bai' al-sarf* dalam urusan niaga dan pertukaran mata wang. Kedua, bahan bertulis berkaitan maqasid syariah. Data-data dalam kajian ini diperolehi melalui pangkalan data perpustakaan, jurnal dan laman web rasmi BNM. Data kemudiannya dianalisis secara deskriptif untuk menganalisis *bai' al-sarf* berdasarkan konsep yang terkandung dalam maqasid syariah.

Konsep Maqasid Syariah

Maqasid syariah secara amnya dapat didefinisikan sebagai tujuan atau objektif syariah. Ia bertujuan untuk menghasilkan *maslahah* atau kebaikan kepada manusia dan dalam masa yang sama mencegah dan membanteras kemudaratan (*mafsadah*) kepada manusia. *Maslahah* dan *mafsadah* ini bukan sahaja terhad kepada kebaikan dan kemudaratan di dunia sahaja malah merangkumi kepentingannya di akhirat. Ini kerana menurut al-Shatibi, penciptaan syariat dalam Islam bertujuan untuk kebaikan manusia di dunia dan di akhirat.

Perbincangan tentang *maslahah* yang dihuraikan oleh Imam al-Ghazali dalam kitab karangan beliau "al-Mustafa" menghuraikan *maslahah* sebagai pemerolehan faedah atau terlepas daripada kemudaratan. Bagi tujuan menjaga *maslahah* ini, Imam al-Ghazali menyenaraikan lima objektif utama syariah. Setiap perkara yang dapat menjamin kelangsungan kelima-lima perkara ini dikira sebagai *maslahah* dan setiap yang mengancamnya dikira sebagai *mafsadah*. Lima objektif utama syariah tersebut terdiri daripada:

- i) Agama (*al-din*)
- ii) Nyawa (*al-nafs*)
- iii) Akal dan fikiran (*al-aql*)
- iv) Kehormatan dan maruah diri (*al-nasb*)
- v) Kekayaan harta (*al-mal*)

Majid (2012) menyimpulkan konsep *maslahah* dan *mafsadah* yang wujud dalam memelihara lima objektif syariah ini merangkumi elemen seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Konsep *maslahah* dan *mafsadah*

Maslahah	Mafsadah
Sebab dan cara memperoleh kebaikan akhirat	Sebab dan cara menghindarkan keburukan akhirat
Sebab dan cara memperoleh kebaikan dunia	Sebab dan cara menghindarkan keburukan dunia
Setiap kelazatan dan keseronokan sama ada secara fizikal, psikologikal, intelektual mahupun spiritual sebagai hakikat kebaikan	Setiap kesengsaraan sama ada secara fizikal, psikologikal, intelektual mahupun spiritual sebagai hakikat keburukan

Jadual 1 menunjukkan konsep *maslahah* dan *mafsadah* yang bertujuan memelihara lima objektif paling utama dalam *maqasid syariah*. Dapat dilihat bahawa *maslahah* berkait rapat

dengan kebaikan sedangkan *mafsadah* berkait rapat dengan keburukan. Namun begitu, pentafsiran *maslahah* sebagai kelazatan dan keseronokan dalam pelbagai aspek bukanlah bermaksud kelazatan dan keseronokan tersebut boleh dicapai semata-mata dengan cara memenuhi keperluan nafsu semata-mata. Sebaliknya, keseronokan dan kelazatan ini berfungsi dalam masa yang sama untuk mencegah dan mengelak daripada wujudnya keburukan yang merupakan elemen penting dalam konsep *mafsadah*. Atas sebab itu, al-Shatibi menegaskan bahawa kebaikan yang diperoleh melalui matlamat mendapatkan *maslahah* dalam *maqasid syariah* ialah kebaikan yang mampu memberi kelangsungan kehidupan, bukannya menghasilkan *mafsadah* sebagai kesan sampingan dan seterusnya menyebabkan keruntuhan kehidupan tersebut (Majid, 2012).

Namun begitu, tidak dapat dinafikan wujudnya percampuran antara elemen kebaikan dan elemen keburukan dalam satu-satu perkara. Keadaan ini berlaku kerana perkara tersebut pada satu perspektif merupakan kebaikan dan dalam masa yang sama, pada perspektif lainnya merupakan keburukan. Keadaan sebegini mungkin berlaku berdasarkan tempoh masa – jangka masa pendek sebagai perkara yang baik sedangkan bagi jangka masa panjang merupakan perkara yang mendatangkan akibat yang buruk.

Bagi mengatasi masalah ini, al-Shatibi mengesyorkan agar pertimbangan dibuat berdasarkan aspek yang dominan. Beliau yang mendapati bahawa tiada satu perkara yang benar-benar hanya mempunyai satu elemen sahaja berpandangan bahawa syariah menyuruh kepada perkara yang mempunyai kebaikan secara dominan berbanding keburukan disampingnya. Begitu jugalah jika keadaan berlaku sebaliknya. Para ulama mencipta beberapa kaedah yang bertujuan menentukan keutamaan untuk memilih antara *maslahah* dan *mafsadah*. Kaedah tersebut menurut Mahmood Zuhdi (2012) ialah:

- i) Menolak *mafsadah* lebih utama berbanding menghasilkan *maslahah*
- ii) *Maslahah* yang lebih rendah boleh diabaikan bagi menjaga *maslahah* yang lebih tinggi
- iii) *Maslahah* umum lebih perlu diutamakan berbanding *maslahah* khusus (untuk orang tertentu sahaja)
- iv) *Mafsadah* yang lebih besar perlu diberi keutamaan untuk dihapuskan berbanding *mafsadah* yang lebih kecil
- v) *Mafsadah* khusus perlu ditanggung demi mengelakkan *mafsadah* umum
- vi) Keterpaksaan dalam keadaan darurat boleh menghalalkan perkara haram
- vii) Keterpaksaan diukur dalam keadaan yang sangat terhad (sekadarnya sahaja)

Bai' Al-Sarf Dalam Pertukaran Mata Wang Asing

Pasaran pertukaran mata wang asing atau pasaran pertukaran asing wujud kerana setiap negara di dunia mempunyai mata wang yang tersendiri. Oleh itu, pertukaran mata wang diperlukan untuk tujuan perniagaan, perdagangan dan pelaburan dalam kalangan pemain pasaran daripada negara yang berbeza ini.

Pasaran pertukaran asing merupakan pasaran dengan jual beli mata wang asing. Pasaran ini juga merujuk kepada interaksi penawaran dan permintaan terhadap satu-satu mata wang. Salah satu elemen penting dalam pertukaran asing ini ialah kadar pertukaran asing. Kadar pertukaran asing ialah kadar satu mata wang yang ditukarkan kepada mata wang lain. Kadar pertukaran

ini dipengaruhi beberapa faktor seperti permintaan dan penawaran, spekulasi, kadar bunga domestik dan antarabangsa, aliran masuk modal dan penambahan hutang luar negara.

Kewujudan kadar pertukaran asing ini menyebabkan berlakunya naik dan turun nilai sesebuah mata wang. Atas sebab ini, instrumen derivatif seperti *urus niaga hadapan* dan *urus niaga swap* diwujudkan bagi menghadapi sifat kemaruahan yang wujud pada mata wang sekali gus membolehkan risiko kadar pertukaran asing ini dikurangkan. Dalam *urus niaga pertukaran mata wang asing*, terdapat dua risiko utama yang perlu dihadapi oleh pasertanya iaitu risiko pendedahan transaksi dan risiko terjemahan.

Risiko pendedahan transaksi ialah risiko yang dihadapi semasa aset dijual dengan nilai mata wang domestik sedangkan nilai sebenarnya berada dalam keadaan tidak pasti. Keadaan ini terjadi akibat naik turun kadar pertukaran mata wang tersebut. Risiko terjemahan pula ialah risiko yang wujud apabila nilai yang muncul bagi sesuatu aset dalam penyata kewangan tidak dapat dipastikan kesan daripada naik turun kadar pertukaran mata wang. Walau bagaimanapun, *urus niaga mata wang dalam Islam* secara konsepnya hanya boleh dilaksanakan secara semerta dengan nilai yang jelas. Ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam (ditukarkan) sesama jenis, pada kadar yang sama, secara tunai (spot), sekiranya berlainan jenis, maka jual belilah sesuka hatimu selama mana ia adalah pertukaran tunai.”

(H.R: Muslim, Abu Daud, al-Nasai, dan Ahmad)

Kebanyakan ulama' berpandangan bahawa emas dan perak dalam hadis ini membawa analogi sebarang bentuk medium kewangan. Atas sebab ini, semua bentuk mata wang perlu mematuhi peraturan dalam pertukaran sebagaimana peraturan tersebut terpakai ke atas emas dan perak. Berdasarkan hadis tersebut, pertukaran emas dengan emas mestilah dilaksanakan secara serta merta, dengan nilai kualiti dan kuantiti yang sama. Oleh kerana transaksi mesti berlaku secara serta merta, transaksi ke hadapan contohnya seperti penyerahan dilakukan pada masa hadapan adalah tidak dibenarkan.

Dalam keadaan dunia masa kini yang tidak lagi menggunakan emas dan perak sebagai mata wang, pertimbangan syariah diperlukan terhadap *urus niaga pertukaran asing* melibatkan satu mata wang dengan mata wang yang lainnya. Sebagai komoditi yang diniagakan, pertukaran matawang asing perlu dilaksanakan melalui pertukaran tunai, secara lani atau semerta (*on spot*) dengan kontrak *bai' al-sarf*.

Bai' al-sarf ialah kontrak pertukaran antara wang dengan wang. Kontrak ini dipantau secara ketat memandangkan ia boleh dimanipulasi dengan mudah untuk tujuan penghasilan pinjaman dengan faedah yang ditegah dalam Islam. Kontrak ini merupakan mekanisme dalam pertukaran asing, menukarkan satu unit mata wang kepada satu unit mata wang lain. Sebagai satu kontrak jual beli, syarat-syarat umum jual beli turut terpakai bagi kontrak *bai' al-sarf*. Syarat jual beli melibatkan:

- Syarat pembentukan kontrak (*in 'iqad*)
 - Syarat pada pihak yang berkontrak – berakal/waras dan baligh, melibatkan dua pihak
 - Syarat pada kontrak – penerimaan mestilah sekata dengan penawaran

- Syarat pada tempat akad – majlis ijab dan qabul
- Syarat pada barang yang dikontrakkan – ada, bernilai dan di bawah pengawasan pemilik (penjual) serta boleh diserahkan semasa kontrak
- Syarat pelaksanaan (*nafaz*)
 - Milik atau kuasa menjaga – berupaya menjual tanpa halangan
- Syarat sah - bebas dari kecacatan
 - Akibat jahil
 - Akibat paksaan
 - Akibat penangguhan
 - Akibat *gharar*
 - Akibat bahaya
 - Akibat kerosakan pada syarat – hanya satu pihak sahaja yang memperoleh manfaat

Selain itu, pelaksanaan pertukaran asing melalui *bai' al-sarf* perlu mematuhi syarat *bai' al-sarf* yang terdiri daripada:

- Berlaku *taqabudh* (penyerahan) antara kedua-dua item yang terlibat dalam platform *forex* sebelum kedua-dua pihak yang menjalankan transaksi berpisah dari majlis akad
- Jual beli mata wang hendaklah dijalankan secara lani dan tidak boleh berlaku sebarang penangguhan
- Akad jual beli *al-sarf* mesti bebas daripada *khiyar al-syart*

Khiyar al-syart ialah pemilihan yang dinyatakan dalam akad. Ia berlaku semasa akad jual beli dijalankan dengan kedua-dua belah pihak bersetuju disyaratkan bahawa kedua-dua belah pihak atau salah satu daripadanya berhak memilih sama ada jual beli itu diteruskan atau sebaliknya (Hussain et al., 2014). Memandangkan kontrak *bai' al-sarf* merupakan kontrak yang mesti dilaksanakan secara langsung tanpa penangguhan, maka *khiyar al-syart* yang membuka ruang kepada penangguhan untuk persetujuan jual beli tidak dibenarkan.

Keterbatasan dalam *bai' al-sarf* ialah kontrak ini hanya boleh digunakan untuk transaksi lani bagi jual beli mata wang. Namun begitu instrumen dalam jual beli *bai' al-sarf* kurang sesuai untuk transaksi perdagangan bagi barangan komoditi sebenar yang memerlukan prosedur dan persetujuan dilakukan secara rapi serta melibatkan proses pengurusan dalam kitaran penawaran yang lebih panjang. Oleh itu, wujud keperluan dalam pertukaran asing secara lebih besar. Bagi melaksanakan tujuan ini, BNM berdasarkan nasihat daripada Majlis Penasihat Syariahnya mencadangkan penggunaan kaedah lindung nilai melalui pasaran hadapan dan instrumen derivatif lain. Namun harus dijelaskan bahawa kaedah ini tidak dibenarkan dalam kontrak *bai' al-sarf*.

Atas sebab ini, lindung nilai yang dicadangkan bukan bertujuan untuk urus niaga jual beli mata wang dengan mata wang sebaliknya berfungsi dalam menetapkan harga barangan dagangan komoditi bukan wang. Kontrak-kontrak jual beli lain digunakan untuk tujuan ini. Kaedah ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah

menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.”

(Al-Baqarah 2:275)

Berdasarkan firman Allah SWT ini, jual beli dihalalkan oleh Allah SWT. Namun begitu, jual beli tersebut mestilah mematuhi prinsip syariah yang telah ditetapkan bagi memastikannya tetap berada dalam status halal dan dibenarkan menurut syarak. Penggunaan kaedah lindung nilai untuk tujuan urus niaga mata wang melalui kontrak *bai' al-sarf* bakal membuka ruang kepada unsur *riba*. Keadaan ini terjadi hasil daripada sifat naik turunnya kadar pertukaran mata wang itu sendiri.

Pertukaran Asing Dalam Maqasid Syariah

Pertukaran asing merupakan salah satu kaedah dan sumber perkembangan kekayaan dan harta masyarakat Islam. Bagi memastikan *maqasid syariah* dapat dicapai dengan memelihara *masalah* di samping mencegah *mafsadah*, langkah penjagaan harta yang berikut dapat dijadikan sebagai panduan:

- i) Menggalakkan pencariannya
- ii) Mengharamkan pencerobohan terhadapnya
- iii) Mengharamkan pembaziran dan pemusnahannya
- iv) Melaksanakan hukuman ke atas pencerobohan terhadapnya
- v) Mewajibkan ganti rugi terhadap kerosakannya
- vi) Mengharuskan langkah mempertahankannya daripada sebarang bentuk pencerobohan
- vii) Mewajibkan kesaksian dan rekod tentang urus niaga
- viii) Mewajibkan langkah tertentu bagi faedah atau manfaat harta yang hilang

Sebagai salah satu dalam perkara *daruriyah* yang amat penting, para ulama mengharuskan amalan urus niaga jual beli mata wang. Masalah yang terkandung dalam urus niaga pertukaran mata wang asing ini ialah ia membolehkan penjanaaan kekayaan dalam kalangan masyarakat Muslim. Selain itu, urus niaga ini juga membolehkan urusan perdagangan berjalan antara mata wang negara yang berbeza. Hakikat ini perlu diterima memandangkan urus niaga pada masa kini tidak lagi menggunakan medium emas, perak atau sebarang bentuk bahan galian yang pernah digunakan suatu ketika dahulu.

Walau bagaimanapun undang-undang muamalat bagi urus niaga pertukaran mata wang ini mestilah bersandarkan prinsip yang terkandung dalam konsep *al-sarf* agar prinsip yang terkandung dalam syariah Islam dipatuhi. Hal ini amat penting bagi memastikan urus niaga yang dijalankan tidak mengandungi unsur *riba*, *maysir* dan *gharar* yang nyata meskipun penggunaan wang kertas dalam urus niaga pada masa kini tidak memungkinkan ketiga-tiga unsur ini ditolak sepenuhnya.

Maqasid syariah tidak membenarkan aktiviti spekulasi kewangan kerana berbahaya dan boleh mengancam dalam memelihara agama, kehidupan, harta dan intelek. Keadaan ini kerana

spekulasi kewangan dilihat sebagai salah satu perkara yang membuka peluang kepada kegiatan jenayah seperti rasuah, “*black money*”, inflasi, peperangan, industri dadah serta pengubahan wang haram. Akibatnya, aktiviti ini boleh memberi impak negatif yang menjurus kepada ketidakseimbangan ekonomi.

Bagi mengimbangi *mafsadah* yang terkandung dalam pertukaran mata wang asing dengan potensi dan keperluannya, instrumen derivatif yang mematuhi prinsip syariah Islam dikaji dan diperkenalkan. Instrumen derivatif ini dijadikan sebagai alat untuk memastikan risiko yang terkandung dalam pertukaran mata wang asing dapat diuruskan dengan sebaik mungkin. Salah satu kaedahnya ialah melalui aplikasi perjanjian sehalu atau *wa'd*.

Majlis Penasihat Syariah BNM dalam mesyuarat ke-163 pada 28 Ogos 2014 telah memutuskan bahawa opsyen mata wang asing secara Islam (*FX option-i*) berdasarkan *wa'd* dibenarkan. Keputusan ini dikemukakan berdasarkan kepada sifat dalam prinsip *wa'd* yang mengikat hanya salah satu pihak sahaja iaitu pemberi janji untuk memasuki transaksi pertukaran mata wang *bai' al-sarf* pada masa hadapan dengan pihak yang lain yang merupakan penerima janji untuk menerima bayaran hasil daripada pelaburan di bawah wakalah bi al-istithmar berdasarkan kadar pertukaran yang telah ditentukan terlebih dahulu (*strike rate*) di bawah struktur *FX option-i* yang telah dipersetujui pada peringkat awal.

Sekiranya *wa'd* tersebut dilaksanakan oleh pihak yang lain (*counterparty*) (sebagai penerima janji), pihak pemberi janji terikat untuk membuat pertukaran mata wang pelaburan asal (*base currency*) kepada mata wang alternatif yang dipilih (*alternate currency*). Susulan daripada itu, pemberi janji perlu menerima mata wang alternatif yang dipilih, daripada pihak penerima janji sebagai pertukaran kepada mata wang pelaburan asal berdasarkan terma dan syarat yang telah dipersetujui dalam perjanjian *wa'd*. Kelebihan dalam perjanjian sebelah ini ialah mengelakkan unsur *gharar* secara jelas dan besar-besaran yang kebiasaannya terkandung dalam kontrak urus niaga dua hala (*bilateral*) dan pelbagai hala (*multilateral*). Kewujudan unsur *gharar* boleh menyebabkan kontrak menjadi tidak lazim dan tidak diperakui.

Penggunaan wang kertas atau wang fiat sebagai mata wang membawa sama unsur *gharar* dan *riba* ke dalam instrumen pertukaran mata wang asing. Dalam regim pertukaran yang bersifat *floating*, mata wang hanya boleh ditukarkan secara lani. Keadaan ini boleh mendedahkan mata wang negara Muslim sebagai sasaran pedagang mata wang bukan Muslim yang menasaskan keuntungan besar daripada aktiviti spekulasi serta menjatuhkan ekonomi serta kesejahteraan negara Muslim. Tindakan untuk memelihara keselamatan seperti lindung nilai mata wang melalui instrumen derivatif dapat menguruskan risiko pertukaran asing perlu diambil kira dalam sistem kewangan.

Meskipun begitu, penyelesaian yang lebih holistik dan selamat sebenarnya boleh diperoleh melalui penggunaan dinar emas sebagai medium pertukaran. Dengan cara ini, kemaruapan dan naik turun yang drastik dalam mata wang dapat dielakkan sekali gus mengeneipkan isu aktiviti spekulasi, arbitraj dan manipulasi mata wang.

Kesimpulan

Wang mempunyai kuasa beli dan membolehkan sistem ekonomi berfungsi serta memenuhi keperluan-keperluan kehidupan. Wang juga berfungsi sebagai medium perantara yang diterima umum dan perundangan. Keupayaan yang terdapat pada wang ini menyebabkan wang

dianggap sebagai satu keperluan *daruriyyah*. Atas sebab ini, amalan urusan jual beli mata wang diharuskan oleh ulama'. Walau bagaimanapun pelaksanaan urusan niaga wang ini mestilah dijalankan dalam keadaan mematuhi prinsip-prinsip syariah.

Kontrak *bai' al-Sarf* hanya boleh digunakan dalam urusan niaga mata wang secara lani melalui institusi berlesen yang dibenarkan oleh BNM dan tidak digunakan dalam transaksi pertukaran asing yang menggunakan kaedah lindung nilai. Namun begitu, pertukaran asing boleh menggunakan kontrak lain sebagai mekanisme lindung nilai dengan mematuhi prinsip jual beli menurut syariah melalui instrumen derivatif patuh syariah seperti *Islamic FX forward*, *Islamic FX option* dan *Islamic FX swap*. Dengan cara ini, *masalah* dapat dicapai dan *mafsadah* dapat dikekang sekali gus memenuhi *maqasid syariah*.

Rujukan

- Ahamd, A.A. & Asutay, M. (2014). Islamic Justifications of Foreign Exchange Options Contract as A Tool of Risk Management. *International Conference of Global Islamic Studies*, 73-88.
- Ahmad, A.A., Tahir, H.M., Ahmad, S. & Zain, M.N.M. (2012). Kontrak Hadapan Mata Wang Asing Menurut Islam Sebagai Mekanisme Lindung Nilai: Analisis Penggunaan *Wa'd*
- Ahmad, S. & Zain, M.N.M. (2012). Bay Al-Sarf Menurut Pandangan Ibn Taymiyyah dan Implikasinya ke Atas Urus Niaga Barangan Kemas dan E-Gold. *'Ulum Islamiyyah Journal*, 8, 17-39.
- Azhar, A., Zainol, M.Z. & Rahman, N.A. (2015). Kontrak Tukaran Matawang Asing Melalui Internet: Satu Tinjauan Hukum. *UUM Journal of Legal Studies*, 6, 1, 137-146.
- Billah, M.M. & Atabani, F.M. (2016). Shari'ah Model of Foreign Exchange. *Journal of Islamic Banking and Finance*, 33, April-June, 11-29.
- BNM (Bank Negara Malaysia). (2015). *Bai` al-Sarf (Shariah Requirements and Optional Practices) Exposure Draft*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- BNM (Bank Negara Malaysia). (2016). Consumer Alert & Updates. http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_financialconsumeralert
- BNM (Bank Negara Malaysia). (2017). http://www.bnm.gov.my/documents/2017/FCA_20171206_EN.pdf
- Chang, M.C., Suardi, S. & Chang, Y. (2017). Foreign exchange intervention in Asian countries: What determine the odds of success during the credit crisis? *International Review of Economics and Finance*, 51, 370-390.
- Dusuki, A.W. (2009). Shariah Parameters on Islamic Foreign Exchange Swap as Hedging Mechanism in Islamic Finance.
- Hussain, M.N.M., Naiimi, N. & Shuib, M.S. (2014). *Mengurus harta menurut fiqh muamalat*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. 2018. <http://www.muftiselangor.gov.my/muamalat#faqnoanchor>
- Majid, M.Z.A. (2012). Maqasid al-Shariah: Satu pengenalan. Dlm. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud & Akhtarzait Abdul Aziz (ed.), *Maqasid al-Syariah*. Kuala Lumpur: IIUM Press. 1-50.
- MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia). (2016). *Laporan MITI 2016*. Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia.
- Nordin, N. & Rahman, A.A. (2011). Kontrak opsyen Islam: Inovasi dalam urusan niaga mata wang. *Prosiding International Conference on Management (ICM 2011)*.

- Omar, R.F. & Jones, E. (2015). Critical evaluation of the compliance of online Islamic FOREX trading with Islamic principles. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 8, 1, 64-84.
- Rafikov, I. & Saiti, B. (2017). An analysis of financial speculation: from the Maqasid Al-Shari'ah perspective. *Humanomics*, 33, 1, 2-14.